



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR  
45000 KUALA SELANGOR**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang masih di benarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	<p><b>KERJA-KERJA MEMBINA TEMPAT Pendaratan Sampan (Pontoon) Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kg. Kuantan, Selangor Darul Ehsan</b></p> <p>No.Sebutharga : SH 94/2018</p>	<p>Gred G1</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE 21</p>	<p>Mulai 18.07.2018</p> <p>Hingga 20.07.2018</p>	RM 50.00	23.07.2018 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Jabatan Kejuruteraan** Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Selangor pada waktu pejabat bermula 18 Julai 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu membawa serta mengemukakan **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) bagi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera untuk semakan sebelum dibenarkan membeli Dokumen Sebut Harga serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa memasukkan dokumen tawaran ke peti sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan salinan penyata bulanan bank yang terkini (3 bulan) bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

- \* Hanya pemegang lesen atau wakil yang diberi kuasa sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga.
- \* Kontraktor/Pemborong disyorkan membuat lawatan tapak sendiri bagi kerja-kerja diatas.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 23 Julai 2018, jam 12.00 tengahari.**

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

.....  
**( Rahilah binti Rahmat A.M.S. )**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Daerah Kuala Selangor**

QS/rth/iklan.sh/110718

**Tarikh : hb. Julai 2018**